



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	12/3/2021	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	KeTSA / JKPTG		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Lanjut pengecualian, diskaun 50 peratus bayaran sewa

Sinar Harian 12/3/2021 m/s15

PUTRAJAYA - Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan inisiatif pengecualian dan pemberian diskaun 50 peratus bayaran sewa kepada penyewa tanah Persekutuan dan bangunan Persekutuan.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah dalam kenyataan pada Khamis berkata, pelanjutan inisiatif itu berteraskan matlamat yang digariskan kerajaan dalam Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (Permai) bagi menyokong kelangsungan perniagaan.

Mengenai inisiatif kepada penyewa tanah Persekutuan, beliau berkata, pelanjutan pemberian inisiatif pengecualian bayaran sewaan dan diskaun 50 peratus itu melibatkan bayaran sewaan bagi tempoh empat bulan bermula 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020 kepada seramai 259 penyewa yang diluluskan sepanjang Mac hingga Ogos tahun lalu.

"Pemberian diskaun 50 peratus bayaran sewa bagi tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 kepada semua penyewa," katanya.

Menurutnya, bagi urusan penyewaan ruang dan premis di bangunan Persekutuan pula, pelanjutan pemberian inisiatif pengecualian bayaran sewaan bagi tempoh



SHAMSUL ANUAR

empat bulan mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020 kepada penyewa yang telah diluluskan sepanjang Mac hingga Ogos 2020.

"Pemberian diskaun 50 peratus bayaran sewa bagi tempoh enam bulan mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021 kepada semua penyewa," katanya.

Beliau berkata, penyewa premis milik kerajaan Persekutuan seperti taska, kafeteria dan kedai serbaneka yang beroperasi hendaklah merujuk dengan pihak

Kementerian Jabatan Pengguna (KJP) masing-masing bagi pelaksanaan keputusan tersebut.

"Inisiatif pengecualian dan diskaun bayaran sewa ini diberikan untuk membantu penyewa tanah dan premis kerajaan Persekutuan agar dapat menyusun semula strategi perniagaan seterusnya meningkatkan keupayaan dan kestabilan perniagaan mereka," katanya.

Pada 27 Mac 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) berkata, premis milik kerajaan Persekutuan seperti kantin sekolah, taska, kafeteria diberi pengecualian sewaan selama enam bulan termasuk semua premis milik agensi dan badan berkanun kerajaan Persekutuan. - *Bernama*